

Headline	Tarif elektrik kekal di Sabah dan WP Labuan		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	01 Jul 2018	Color	Black/white
Section	Semasa	Circulation	8,784
Page No	4	Readership	26,352
Language	Malay	ArticleSize	94 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 208
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 625



Tarif elektrik kekal di Sabah dan WP Labuan

KOTA KINABALU: Pelarasan Tarif Elektrik 1.20 sen/kWj di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan ditamatkan kelmarin. Walaubagaimanapun, tarif elektrik adalah dikekalkan.

Pengurus Besar Kanan Pembangunan Aset, Ir. Abdul Nasser Bin Abdul Wahid berkata keputusan itu dibuat oleh kerajaan dan dimaklumkan kepada SESB melalui Suruhanjaya Tenaga (ST).

Suruhanjaya Tenaga (ST) dalam kenyataannya kelmarin ber-

kata, rebat tarif elektrik sebanyak 1.20 sen/kWj yang diberikan dalam tempoh terdahulu bagi pengguna elektrik di Sabah dan Labuan akan ditamatkan pada 30 Jun 2018.

Sementara itu, bagi tempoh peralihan Jun - Julai 2018, pengiraan rebat akan dilaksanakan secara pro-rata.

Pengguna Domestik dengan penggunaan bulanan 300 kWj dan ke bawah tidak akan mengalami sebarang perubahan dalam bil elektrik mereka.